

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	5 APRIL 2015

Muhyiddin boleh ganti Najib: Tun M

Sinar Harian - 5/4/2015

■ MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN

CYBERJAYA - Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi secara terbuka mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meletak jawatan demi menyelamatkan Umno dan negara sebelum PRU14.

Menurutnya, berdasarkan Perlembagaan Umno, individu paling layak menggantikan Najib adalah Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Apa pun terpulang kepada parti. Orang paling layak adalah timbalan, namun saya hilang kepercayaan kepada orang.

"Bila nak dilantik, mereka-lah yang paling bersih, (tetapi) bila dapat kuasa jadi lain. Saya tak tahu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan kepimpinan What Youth Should Know, semalam.

Katanya, ketika Najib dipilih menggantikan Tun



Dr Mahathir ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa bergambar bersama peserta What Youth Should Know selepas forum di Auditorium Pusat MAGIC, semalam.

Abdullah Badawi pada 2009 dan menjadi Perdana Menteri keenam, beliau melihat dengan penuh harapan, tetapi ternyata

prestasi Najib lebih teruk daripada Abdullah'.

"Kalau lebih teruk dari Paklah (Abdullah), dia patut

berhenti dari jadi perdana menteri dan Presiden (Umno).

"Ini bukan soal marah, ini soal negara. Dulu kita terkenal

kerana pentadbiran baik, tetapi sekarang orang luar menggelar kita sebagai negara paling korup di dunia," katanya.

Ditanya mengenai kritikan kerasnya terhadap Najib di dalam blognya beberapa hari lalu, beliau menegaskan ia adalah usaha terakhir kerana dakwanya teguran sebelum ini langsuny tidak memberi kesan.

"Saya dah buat macam-macam cara, dah jumpa senyap-senyap sejak empat tahun lalu. Saya beritahu apa salah, tapi tak ada respons. Jadi ini adalah usaha terakhir saya," katanya.

Khamis lalu, dalam blog *chedet.cc*, beliau mengeluarkan kenyataan paling keras terhadap Najib dengan menyentuh beberapa isu seperti pembunuhan Altantuya Shaariibuu, 1MDB dan 'Nasib BN' menjelang PRU14.

Terdahulu, pada persidangan kepimpinan What Youth Should Know, Dr Mahathir menjawab pelbagai isu kontroversi semasa sesi soal jawab diadakan.